

'Keputusan bukan hak mutlak PM'

Ismail Sabri enggan ulas isu Pemilihan UMNO atau PRU-15 perlu diadakan dahulu

Bera: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, beliau lebih selesa berdiam diri apabila ditanya sama ada pemilihan UMNO atau Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) perlu diadakan terlebih dahulu walaupun beliau selaku Perdana Menteri boleh memikir-

kan tarikh sesuai untuk membubarkan Parlimen,

Ketika menggulung perbincangan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Bera, di sini semalam, beliau yang juga Naib Presiden UMNO, berkata isu itu mendapat pelbagai pandangan dalam kalangan ahli mengenai yang mana perlu didahulukan.

"Bagaimanapun, ini (bubar Parlimen) bukan hak mutlak Perdana Menteri kerana mesti mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong (Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah). Jangan kita dahului kuasa Seri Paduka dan jangan kita dahului membuat kenyataan dalam perkara bidang kuasa Seri Paduka," katanya.

Pada sidang media kemudian, Ismail Sabri yang juga Ketua UMNO Bahagian Bera, menegaskan UMNO perlu membuat keputusan mengenai kerjasama parti itu dengan PAS menerusi Muafakat Nasional (MN) supaya akar umbi tidak keliru.

Katanya, keputusan itu wajar diputuskan, sama ada menerusi Mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi (MKT) atau pada Perhimpunan Agung UMNO yang dijadualkan berlangsung pada Januari depan.

"Kerjasama UMNO dan PAS melalui MN belum ditolak kerana tiada keputusan yang mengatakan kita kena putus hubungan sama ada daripada MKT, manakala perhimpunan agung masih belum berlangsung, ber-

BH-19/12/2021 m/s: 14
maksud belum lagi ada keputusan untuk *reverse* keputusan yang lepas (setuju bekerjasama).

"Keputusan itu masih *stand*, maknanya kita perlu kurangkan kenyataan mengenai PAS. Kena ada keputusan yang jelas kerana sekarang ada yang *yes*, ada *no*," katanya menambah ketiadaan pendirian itu menyebabkan ada pimpinan UMNO negeri seperti Selangor membuat kenyataan mahu bekerjasama dengan PAS, manakala Terengganu mahu menamatkannya.

"Kenyataan Selangor mahu meneruskan kerjasama tak salah, kerana ia mengikut perhimpunan yang lepas. UMNO Bera juga akan meneruskan kerjasama dengan PAS dan saya percaya

Pahang juga terus akur dengan (keputusan) perhimpunan itu.

"Saya berpandangan kena beri kelonggaran di negeri untuk buat keputusan yang sesuai dengan negeri masing-masing. Terengganu berbeza daripada Pahang dan apa yang sesuai di sini tidak boleh dipaksa di Selangor," katanya.

Berhubung persidangan UMNO bahagian semalam, Ismail Sabri berkata, UMNO Bera meluluskan usul menyokongnya untuk terus memimpin negara sehingga tamat penggal pada 2023, bagi memberi ruang kepada beliau menstabilkan politik, meredakan situasi COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara.

BERNAMA